

ABSTRAK

Kamarul Bakri Bin Abd Aziz. **Konsep Ilmu Tauhid Dalam Kitab Jawi.** Disertasi; Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 1999.

Kedudukan tauhid sangat penting kerana ia merupakan asas dalam Islam, seandainya ia tiada maka nilai amalan seseorang tidak akan diterima oleh Allah (S.W.T.). Selain itu, bagi orang yang beriman kekuatan tauhid pula menjadi asas kepada tindakan mereka dalam kehidupan seharian. Bertolak dari sini, lahirlah karya-karya ilmu tauhid yang dikarang oleh para ulama di Nusantara untuk dijadikan panduan oleh umat Islam di rantau ini.

Pengajian ilmu tauhid berkembang pesat di seluruh dunia Islam termasuk di rantau Nusantara ini. Para ulama rantau ini telah menghasilkan karya-karya dalam pelbagai bidang keilmuan. Karya-karya yang menggunakan tulisan jawi dikenali dengan "Kitab Jawi". Ia banyak dikarang pada abad ke-19 Masihi dan awal abad ke-20 Masihi.

Pada zaman awal perkembangan Islam di Nusantara, Kitab Jawi memainkan peranan yang penting kerana ia digunakan sebagai sumber utama untuk memahami ilmu-ilmu Islam. Kepentingannya masih dapat dilihat sehingga kini kerana ia masih dipelajari dan dijadikan bahan rujukan di kalangan umat Islam di rantau ini terutama dalam sistem pengajian Islam tradisional.

Memandangkan bidang tauhid begitu penting diteliti, maka kajian ini membuat penyelidikan tentang “KONSEP ILMU TAUHID DALAM KITAB JAWI” bagi melihat kedudukan dan pemakaianya.

Masalah-masalah yang menjadi pokok kajian ini ialah:

- i) Berkenaan sejarah penulisan dan aspek-aspek keilmuan yang terkandung dalam Kitab Jawi.
- ii) Mengenai kedudukan tauhid dalam Islam dan perkembangannya.
- iii) Huraian tentang konsep Sifat Dua Puluh dan pembahagiannya.
- iv) Perbincangan mengenai konsep perbuatan-perbuatan Allah dan konsep *Qadā'* dan *Qadar*.

Keempat-empat perkara di atas memerlukan data-data yang lengkap, lantaran itu dalam kajian ini penulis menggunakan metod "Library Research" yang merangkumi metod historis dan dokumentasi.

Hasil daripada kajian ini penulis dapat merumuskan bahawa:

- i) Kedudukan tauhid sebagai asas dalam Islam tidak pernah dipersoalkan oleh para ulama.
- ii) Penulisan dan kajian dalam bidang tauhid agak terkebelakang berbanding dengan bidang-bidang lain.
- iii) Sumbangan para ulama Nusantara dalam perkembangan pengajian Islam sangat ketara dan patut diketengahkan.
- iv) Kitab Jawi merupakan khazanah ilmu yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam pengajian Islam di rantau ini pada zamannya.

- v) Perbincangan masalah tauhid dalam Kitab Jawi banyak dipengaruhi oleh pendapat al-Sanūsī melalui kitabnya **Umm al-Barāhīn**. Dalam konteks ini isi kandungannya banyak berkisar kepada huraiān mengenai Sifat Dua Puluh.
- vi) Secara keseluruhannya konsep tauhid yang terdapat dalam Kitab Jawi adalah bersesuaian dengan ciri-ciri ke-Islaman.

ABSTRACT

Kamarul Bakri Bin Abd Aziz. **The Concept of Tauhid in Kitab Jawi.** Dissertation, Kuala Lumpur. Academy of Islamic Studies University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 1999.

The position of Tauhid is very important as it is the basic of Islam. Without Tauhid one's ritual practices will not be accepted by God. For the strong believers the strength of Tauhid will be represented in their daily life through their attitudes or actions. Consequently, writings about Tauhid have been produced by scholars in this region as a guide or reference for the Islamic people.

The studies of Tauhid have developed and attracted scholars around the world including Southeast Asia. The scholars in this region produced works in various areas. Those written in jawi transcripts are known as 'Kitab Jawi' (i.e. book in written jawi). They were mostly written during the period from the nineteenth to the early twentieth century.

From the early period of Islam in the Southeast Asia, Kitab Jawi played an important role, because it was used as a major

source to understand the Islamic teachings. The importance of this can be seen till today where it is still being studied and used by Muslims as their reference. This is especially so in the traditional system of Islamic education.

:

Since Tauhid has played a significant role, the writer has undertaken the study on "THE CONCEPT OF TAUHID IN KITAB JAWI" to probe it's position and usage.

The main issues of the study are:

- i) Written history and the aspects of knowledge in Kitab Jawi.
- ii) The studies of Tauhid in Islam and their developments.
- iii) The elaboration about the concept of the twenty attributes of God and the divisions.
- iv) Discussion regarding the concept of God and human actions.

The above points need a complete and accurate information to probe. In this research the writer used the Library Research methodology which comprises of historical and documentation.

The findings can briefly be stated as follows:

- i) The position of Tauhid as a basic unit in Islam has never been questioned by scholars.
- ii) The writings and teachings of Tauhid are lacking behind as compared to other fields of research.
- iii) The contribution of the scholars in Southeast Asia to the development of Islam is significant and should be appreciated.
- iv) Kitab Jawi is a treasure of knowledge which contributes significantly to the study of Islam in its period in this region.
- v) The discussion on the problems of the teachings of Tauhid in Kitab Jawi was influenced by al-Sanūsī's ideas through his book **Umm al-Barāhīn**. In this context the contents were more on the elaboration of the twenty attributes of God.
- vi) Overall, the concept of Tauhid in Kitab Jawi was appropriate with the criterias of Islam.